

RM5.4 juta, 49 projek tahun lalu

Oleh ALFRED PETRUS

► UMS utamakan kemudahan penyelidikan terbaik ahli akademik

UB 28.9.2017 A3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan sentiasa mengutamakan penyediaan kemudahan penyelidikan terbaik kepada ahli akademiknya.

Naib Canselor UMS Prof Dr D Kamarudin D Mudin berkata usaha itu adalah untuk menyuburkan budaya dan meningkatkan kecemerlangan penyelidikan serta inovasi selaras dengan Bidang Keberhasilan Utama Kedua (UMS-KRA2) Pelan Strategik UMS 2018-2020.

Katanya dalam konteks sebuah negara yang beraspirasi menjadi negaramaju, universiti bukan sahaja berperanan menghasilkan modal insan yang berkualiti tetapi sebagai platform menghasilkan ilmu baharu untuk harta intelek yang bermutu tinggi melalui penyelidikan dan inovasi.

"Pada tahun ini, selaras dengan lonjakan tujuh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu ekosistem inovasi, naratif sektor penyelidikan perlu berganjak daripada



KAMARUDIN (tiga kanan) menyampaikan Anugerah Penyelidik Cemerlang kepada salah seorang penerima.

pembudayaan penyelidikan kepada penyelidikan yang boleh memberi manfaat terus kepada masyarakat.

"Ia adalah bagaimana penyelidik dapat menterjemah sesuatu penyelesaian isu nasional atau antarabangsa demi manfaat industri,

akademi, kerajaan dan paling penting sekali adalah masyarakat yang mana dikenali sebagai Penyelidikan Translational," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena majlis Anugerah Penyelidik UMS (Apums) 2016 di sini pada

Rabu.

Kamarudin berkata dalam bidang penyelidikan 2016, UMS menerima sebanyak RM5.4 juta bagi membiayai 49 projek penyelidikan baharu yang diperoleh daripada agensi kerajaan sebanyak RM3.6 juta, pihak swasta RM558,000

dan institusi antarabangsa RM1.2 juta.

"Menyedari betapa pentingnya perlindungan harta intelek bagi setiap produk yang dihasilkan melalui penyelidikan, UMS merekodkan sebanyak 15 produk telah dilindungi merangkumi pemfailan paten-kebangsaan (empat produk), utiliti inovasi (satu produk), cap dagangan (tujuh produk) dan hak cipta (tiga produk).

"Dari segi pengkomersilan sepanjang 2016, UMS juga berjaya mengkomersilkan tiga teknologi iaitu Laterally

Aerated Moving Bed (LAMB) Biomass Dryer, Garoupa-Satu dan Garoupa-Dua.

"Selain itu, pada tahun yang sama, UMS berjaya memenangi sebanyak tujuh pingat emas di peringkat kebangsaan serta antarabangsa bagi projek penyelidikan dan inovasi, tiga anugerah khas dalam Itex 2016, BIOMalaysia 2016 dan SIIF 2016.

"Ia menunjukkan bahawa kemampuan penyelidik-penyelidik kita ini terbukti untuk menghasilkan penyelidikan berkualiti tinggi seterusnya diiktiraf di peringkat

“Menyedari betapa pentingnya perlindungan harta intelek bagi setiap produk yang dihasilkan melalui penyelidikan, UMS merekodkan sebanyak 15 produk telah dilindungi merangkumi pemfailan paten-kebangsaan (empat produk), utiliti inovasi (satu produk), cap dagangan (tujuh produk) dan hak cipta (tiga produk).”

PROF DR D KAMARUDIN D MUDIN
Naib Canselor UMS

antarabangsa," katanya.

Dalam pada itu, di sebalik penghasilan penyelidikan yang berkualiti tinggi, UMS telahpun mempunyai bangunan makmal bersepadu yang menempatkan peralatan yang berteknologi tinggi serta sederhana untuk digunakan oleh pelajar, pensyarah dan penyelidik.

"Makmal ini juga menawarkan perkhidmatan analisis dan ujian sampel kepada agensi kerajaan dan swasta yang mana dengan harapan ia dapat melonjakkan lagi aktiviti penyelidikan di UMS dan meningkatkan lagi kerjasama antara UMS serta pihak industri," katanya.

Sementara itu, Kamarudin berkata majlis Apums 2016 itu bertujuan menggalakkan penyelidik menghasilkan lebih banyak produk penyelidikan berkualiti yang boleh dikomersilkan serta mendorong penyelidik ke arah kecemerlangan penyelidikan dan inovasi.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS Prof Dr Shahril Yusof.